

Analisis kesalahan konjugasi kata kerja bahasa Perancis dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur

Norfarahin Amat @ Adnin^{*1} & Omrah Hassan@Hussin²

¹School of Humanities and Social Science, Kolej Universiti Poly - Tech MARA.

²Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.

Abstrak

Kajian ini merupakan membincangkan tentang analisis kesalahan konjugasi kata kerja bahasa Perancis dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Poly-Tech MARA Kuala Lumpur (KUPTMKL). Kajian ini bertujuan menghuraikan jenis-jenis kesalahan konjugasi kata kerja dalam kalangan pelajar KUPTMKL, objektif kedua adalah menganalisis jumlah kesalahan konjugasi kata kerja dalam penulisan ayat mudah bahasa Perancis dan objektif ketiga pula adalah menentukan faktor-faktor yang menyumbang kepada kesalahan konjugasi kata kerja dalam penulisan ayat mudah bahasa Perancis dalam kalangan pelajar KUPTMKL. Secara amnya pengkaji ingin melihat sejauh mana pemahaman dan aplikasi pelajar di KUPTMKL terhadap penggunaan kata kerja dalam pembinaan ayat mudah bahasa Perancis. Untuk mencapai objektif kajian ini, pengkaji menggunakan teori Analisis Kesalahan Corder (1981). Bagi pengelasan jenis-jenis kesalahan kata kerja bahasa Perancis pula, pengkaji menggunakan Teori Taksonomi Kesalahan Dulay, Burt & Krashen (1982). Data-data kesalahan ini diambil daripada kertas ujian tatabahasa bahasa Perancis yang telah disediakan oleh pengkaji. Responden adalah pelajar semester kedua tahun pertama Diploma Teaching English as a Second Language (TESL) dan Diploma in Corporate Communication (CORP.COMM). Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah seratus lima puluh (150) orang sahaja. Majoriti pelajar ini tidak mempunyai pengetahuan asas bahasa Perancis sebelum ini, melainkan pembelajaran semasa di KUPTMKL. Hasil pemerhatian terhadap semua responden, pengkaji mendapat banyak kesalahan konjugasi kata kerja yang dilakukan oleh responden. Responden mempunyai kesukaran membuat hubungkait antara penama atau pelaku dan kata kerjanya dalam pembinaan ayat mudah bahasa Perancis. Pengkaji hanya fokus kepada tiga jenis kata kerja bahasa Perancis iaitu Kata Kerja Akhiran *ER*, Kata Kerja *Avoir* dan juga Kata Kerja *Être*. Bagi Kata Kerja Akhiran *ER*, pengkaji memilih untuk menggunakan tujuh (7) kata kerja asas iaitu *Adorer*, *Habiter*, *Aimer*, *Travailler*, *Preferer*, *Parler* dan *Detester* sahaja serta Kata Kerja *Avoir* dan juga Kata Kerja *Être*. Pengkaji memilih tujuh kata kerja tersebut kerana ia telah diajar kepada pelajar French I. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kesalahan kata kerja dikategorikan kepada tiga jenis iaitu kesalahan konjugasi Kata Kerja Akhiran *ER*, kesalahan konjugasi Kata Kerja *Avoir* dan kesalahan konjugasi Kata Kerja *Être*. Faktor yang menyumbang kepada kesalahan adalah gangguan bahasa ibunda, hierarki kepayahan umum, pengaplikasian peraturan bahasa secara tidak sempurna dan strategi pembelajaran. Kesimpulannya, kajian ini dijangka dapat membantu pelajar KUPTMKL dalam penggunaan kata kerja bahasa Perancis dan seterusnya dapat membantu mereka untuk meningkatkan mutu penulisan ayat mudah bahasa Perancis.

Kata Kunci

Analisis Kesalahan, Kata Kerja, Kesalahan Bahasa, Bahasa Perancis, Kon